

ZAB. MUFTI NEG. PERAK

80112205/01314



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 75  
No. 29

22hb Julai 2022

TAMBAHAN  
No. 1

---

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004

No. 2884.

FATWA TAREKAT NAQSYABANDIAH AL-ALIYYAH SYEIKH NAZIM AL-HAQQANI  
DI NEGERI PERAK

BAHAWASANYA Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [Enakmen Bil. 4 tahun 2004], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini:

MAKA, Jawatankuasa Fatwa yang bersidang pada 14 Februari 2022 bersamaan 13 Rejab 1443H, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan, membuat dan menyatakan fatwa yang berikut:

1. Tarekat Naqsyabandiah Al-Aliyyah Syeikh Nazim Al-Haqqani adalah berpandukan ajaran Ahli Sunah Wal Jamaah serta boleh diamalkan oleh pengikutnya di Negeri Perak dengan syarat amalan tersebut tidak bercanggah dengan asas akidah dan syariah;
2. Pengamal hendaklah memastikan tidak berlaku amalan dan perbuatan yang tidak bersesuaian dengan adat atau kebiasaan masyarakat setempat; dan
3. Pemimpin tarekat atau wakilnya yang dilantik hendaklah merupakan seorang pemegang tauliah mengajar yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak menurut peraturan-peraturan yang berkaitan.

Bertarikh 31 Mei 2022  
[MN.Pk.(S)A351/IST/06/2 (14); PU.PK. 07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan

*Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan*

ایمکن فنتدیرن آكام إسلام (فیراق) 2004

**فتوى طریقت نقشبندیۃ العالیۃ شیخ ناظم الحقانی ذکری فیراق**

بهاوسان جاونکواس فتوی، قد منجلنکن کواسان دباوه سیکشن 36 دان سیکشن 37 ایمکن فنتدیرن آكام إسلام (فیراق) 2004 [ایمکن بیلاعن 4 تاهون 2004]، تله مپدیاکن فتوی یغ ترکندوغ دالم این :

ملک، جاونکواس فتوی یغ برسیدع ڈد 14 فیرواری 2022 برساماعن 13 ربیع 1443ھ، دعن ڦرکن  
دولی یغ ھما مولیا سلطان فیراق دار الرضوان مbowات دان مپیارکن فتوی یغ ٻرايڪوت:

1. طریقت نقشبندیۃ العالیۃ شیخ ناظم الحقانی اداله برقدوکن اجرن اهلی سنه والجماعه سرتا ٻولیه  
دھملکن اولیه ڦیکوئن ذکری فیراق دعن شرط عملن ترسبوت ٽیدق برچغکه دعن اساس عقیدة  
دان شرعیه؛

2. ڦفعمل هندقله گستیکن ٽیدق برلاکو عملن دان ڦیرواتن یغ ٽیدق برسسواين دعن عادة اناؤ کیاساعن  
مشارکت ستمشت؛ دان

3. ڦیهین طریقت اناؤ واکلن یغ دلاندقه هندقله مروفاکن ساورغ ڦمکن توپیاه مقاجر یغ دکلوارن اولیه  
مجیلس آكام إسلام دان عادة ملابو فیراق منوروت ڦراتورن - ڦراتورن یغ ٻرکاءهتن

برتاریخ 31 Mei 2022

[MN.Pk.(S)A351/IST/06/2 (14); PU.PK.07/2001]

دعن ٽیته ڦرپنہ دولی یغ ھما مولیا سلطان

مفتي ذکری فیراق دار الرضوان

Hakcipta Pencetak(H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk  
yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau  
sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA